



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld 9/(12)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

02 November 2015

SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEMBERIAN INSENTIF BAGI PEMBELIAN *DESKTOP PC/NOTEBOOK* DAN PERISIAN *COMPUTER AIDED DESIGN (CAD)*.

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (Lembaga) telah menawarkan pemberian insentif bagi pembelian perisian *CAD* kepada semua Jurukur Tanah Berlesen (JTB) melalui surat LJT 6 Jld 9/(8) yang bertarikh 7 Ogos 2015. Melihat kepada keperluan JTB yang perlu membuat kerja dalam persekitaran digital sepenuhnya pada masa kini serta masih terdapat permintaan yang tinggi terhadap tambahan perisian *CAD* maka sebagai sokongan terhadap profesion ukur, sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga dalam mesyuaratnya yang ke-453 pada 26 Oktober 2015 telah bersetuju memberi insentif tambahan kepada semua JTB bagi pembelian satu unit *desktop personal computer* atau satu unit *notebook* dan satu perisian *CAD*. Perisian *CAD* ini merupakan tambahan kepada insentif yang ditawarkan terdahulu.

3. Insentif pembelian ini adalah berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM5,000 (Ringgit Malaysia Lima Ribu sahaja) bagi *desktop PC/Notebook* dan RM3,000 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu sahaja) bagi perisian *CAD*.

4. Berikut adalah syarat-syarat bagi permohonan pemberian insentif tersebut:
- 4.1 Pembelian perlu dibuat mulai dari tarikh keputusan mesyuarat Lembaga pada 26 Oktober 2015 sehingga 31 Disember 2015 sahaja. Sebarang tuntutan selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.
 - 4.2 Permohonan tersebut perlu menggunakan borang yang disediakan seperti di **Lampiran A**.
 - 4.3 Permohonan perlu disertakan dengan *Tax Invoice* atau resit asal daripada pembekal.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(Sr ISMAIL BIN HARUN)

Setiausaha

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia

s.k. YBhg. Datuk Sr Ahmad Fauzi bin Nordin, *PMW, DPMT, DSAP, JSM, SMZ, KMN*
Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN INSENTIF PEMBELIAN
*DESKTOP PC/NOTEBOOK DAN
PERISIAN *COMPUTER AIDED DESIGN (CAD)****

1. Butiran JTB
 - 1.1 Nama JTB :
 - 1.2 Nama Firma :
 - 1.3 Alamat Pejabat:

2. Butiran Pembelian *Desktop PC / Notebook
(sila sertakan Tax Invoice atau Resit asal sebagai bukti)
 - 2.1 Model :
 - 2.2 No Siri :
 - 2.3 Pembekal :
 - 2.4 Harga Belian :
 - 2.5 Tarikh Pembelian :

* *potong yang tidak dikenakan*

3. Butiran Pembelian Perisian CAD
(sila sertakan Tax Invoice atau Resit asal sebagai bukti)
 - 3.1 Jenis Perisian :
 - 3.2 No. Lesen/Siri :

3.3 Pembekal :

3.4 Harga Belian :

3.5 Tarikh Pembelian :

3. Perakuan

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

.....
(Tandatangan dan cop JTB)

Tarikh :